



**KENYATAAN MEDIA
TIMBALAN PERDANA MENTERI**

**KEPUTUSAN MESYUARAT JAWATANKUASA PENGURUSAN BENCANA PUSAT
(JPBP) BILANGAN 2/2025: PERSEDIAAN KERAJAAN MENGHADAPI MONSUN
TIMUR LAUT 2025/2026**

Pagi ini saya telah mempengerusikan **Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat (JPBP) Bilangan 2/2025** yang dihadiri oleh Setiausaha-Setiausaha Kerajaan Negeri selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri (JPBN), agensi-agensi tindak balas, agensi teknikal, agensi sokongan, agensi bantuan dan pemulihan bagi memberi tumpuan segera kepada **persiapan dan kesiapsiagaan kerajaan MADANI** dalam menghadapi musim **Monsun Timur Laut (MTL) 2025/2026**.

Saya menzahirkan penghargaan kepada YAB Menteri Kewangan yang telah memperuntukkan sejumlah **RM460 juta bagi pengurusan bencana tahun 2026** semasa pembentangan Belanjawan 2026 di Dewan Rakyat pada Jumaat, 10 Oktober yang lalu.

Saya turut mengingatkan kepada semua jentera kerajaan bahawa Malaysia tidak kebal daripada ancaman bencana dengan mengambil iktibar daripada kejadian **gempa bumi lemah di Segamat, Johor** pada 24 Ogos 2025 serta kejadian **banjir dan tanah runtuh di Sabah** pada awal September 2025 hingga mengakibatkan kehilangan nyawa. Untuk itu, seluruh jentera pengurusan bencana negara perlu bersiap sedia sepenuhnya menjelang MTL 2025/2026.

Untuk itu, saya telah mengarahkan supaya **Pusat Kawalan Operasi Bencana (PKOB) di semua peringkat diaktifkan** lebih awal bagi memastikan pemantauan dan koordinasi berjalan lancar sebelum bermulanya MTL.

Hal ini kerana **Jabatan Meteorologi Malaysia (MET Malaysia)** menjangkakan MTL 2025/2026 bermula awal November 2025 hingga penghujung Mac 2026, dan akan dipengaruhi oleh fenomena La Niña lemah. Keadaan ini membawa antara lima (5) hingga tujuh (7) episod hujan lebat berterusan, melebihi purata biasa lima (5) episod setiap musim.

Negeri Sabah dijangka mengalami hujan melebihi paras purata dari November 2025 hingga Februari 2026, manakala kemuncak hujan dijangka pada Disember 2025, melibatkan Kelantan, Terengganu, Pahang, Johor, Sarawak dan Sabah. Risiko banjir besar akan meningkat sekiranya hujan berterusan berlaku serentak dengan fenomena air pasang besar. Oleh itu, MET Malaysia akan mengeluarkan **Amaran Hujan Berterusan (Waspada, Buruk, Bahaya)** sekurang-kurangnya tiga (3) hari lebih awal bagi membolehkan tindakan pantas dilaksanakan.

Dari aspek persediaan **mitigasi**, **Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS)** mengesahkan terdapat **pengurangan ketara lokasi panas (*hotspot*) banjir daripada 4,619 lokasi (2024) kepada 3,683 lokasi (2025)** menunjukkan perkembangan positif hasil daripada pelaksanaan projek mitigasi kerajaan. Walaupun begitu, kita tidak boleh menafikan bahawa pembangunan pesat masih menyumbang kepada risiko banjir. Maka komitmen negeri amat diperlukan untuk memastikan usaha pencegahan banjir dapat dilaksanakan secara berkesan.

Dalam mesyuarat ini juga, Jawatankuasa telah bersetuju untuk **membina Pusat Pemindahan Kekal Bencana (PPKB) di daerah Jerantut, Pahang** sebagai sebahagian daripada strategi jangka panjang kerajaan dalam memperkukuh kesiapsiagaan bencana di peringkat komuniti. Projek ini dijangka **dimulakan pada tahun 2026** dengan kerjasama **kerajaan negeri dan agensi teknikal berkaitan**.

Jabatan Mineral dan Geosains (JMG) juga melaporkan sebanyak **110 kejadian tanah runtuh di Pantai Barat Sabah** telah berlaku sehingga 19 September 2025 yang telah **mengorbankan 13 nyawa**. Sejumlah 34 lokasi cerun kritikal berisiko tinggi kini dipasang dengan **Sistem Amaran Awal (EWS)** bencana geologi tanah runtuh. Saya telah memberi mandat kepada JMG sebagai penyelaras pemantauan cerun berisiko di seluruh negara serta perlu kerjasama dengan agensi kerajaan yang lain dan juga pihak swasta.

Secara keseluruhannya, saya **berpuas hati dengan kesiapsiagaan agensi-agensi kerajaan** bagi menghadapi musim MTL 2025/2026 dan saya telah meminta supaya **NADMA melihat mekanisme pengurusan pasca bencana** dengan mengambil kira peranan agensi-agensi kerajaan serta badan bukan kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, syarikat industri berkaitan kerajaan, syarikat-syarikat swasta dan penduduk setempat.

-TAMAT-

AHMAD ZAHID HAMIDI

Timbalan Perdana Menteri merangkap
Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Pusat
13 Oktober 2025